

RELEVANSI PENGGUNAAN KONSEP ISTIBDAL DALAM WAKAF TUNAI: KAJIAN TERHADAP PROJEK BAITUL AWQAF UITM CAWANGAN MELAKA

Norajila Che Man^{a*}, Nor Azlina Abd Wahab^b, Norafifah Ab Hamid^c, Noormala Rabu^d,
Rawi Nordin^e

^aAkademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka. Email: norajila@uitm.edu.my

^bAkademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka. Email: azlina406@uitm.edu.my

^cAkademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka. Email: norafifah@uitm.edu.my

^dAkademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka. Email: sufnala@uitm.edu.my

^eAkademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka. Email: rawina03@uitm.edu.my

*Corresponding Author

Article info

Received:

19/02/2020

Received in revised form:

13/04/2020

Accepted:

15/04/2020

Available online:

16/04/2020

Kata Kunci:

Wakaf;

Wakaf Tunai;

Istibdal;

Baitul Awqaf.

Keywords:

Wakaf;

Wakaf Tunai;

Istibdal;

Baitul Awqaf

Abstrak

Pembangunan hartanah wakaf merupakan aspek yang sangat ditekankan dalam Islam. Secara umumnya, pada tahun 2016 terdapat sejumlah 11,091.82 hektar tanah wakaf yang terbiar, tidak dimajukan dan tidak diurus dengan baik di Malaysia oleh pihak yang bertanggungjawab. Menurut statistik Yayasan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) sehingga Jun 2019, dianggarkan 30000 hektar tanah telah diwakafkan di seluruh negara. Namun hanya 13 peratus sahaja tanah wakaf tersebut dimajukan dan dibangunkan. Bagi menangani masalah ini, Islam membenarkan konsep istibdal dilakukan terhadap harta wakaf tersebut. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini akan memfokuskan kepada aspek keharusan penggunaan istibdal terhadap harta wakaf tunai dan isu-isu berkaitan istibdal tunai. Kajian ini juga akan meneliti kebolegunaan konsep istibdal dalam projek Baitul Awqaf di UiTMCM. Data dan maklumat kajian ini diperolehi menerusi penelitian terhadap sumber primer dan sekunder yang berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa konsep istibdal wakaf diterima pakai oleh jumurh ulama yang terdahulu dan masa kini, sama ada mauquf tersebut terdiri daripada harta alih atau tak alih. Dengan keharusan istibdal yang diberikan oleh para fuqaha maka segala masalah berkaitan dengan pembangunan harta wakaf dapat diselesaikan dengan mengikut syarat-syarat dan cara yang dibenarkan.

Abstract

The development of waqf properties is one of the aspect emphasized in Islam. In general, there are 11,091.82 hectar of waqf properties in Malaysia that are abundant, not well develop and manage by the authorities in 2016. These properties cannot be develop due to some issues arise. According to statistic given by Yayasan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), there are approximately 30000 hectars of waqf lands in 2019 and only 13 percent of these lands are well developed. To overcome this problem, Islam approved the used of istibdal concept to ensure unproductive waqf properties can be develop to its maximum usage. On that note, this paper investigate aspects of the imperative use of istibdal on cash waqf. Also, this study examined the issues pertaining the istibdal on cash waqf. Apart from that, this study also assess the usability of istibdal in

Baitul Awqaf project in UiTMCM. Data and information for this study are collected with reference to the primer and secondary documents. The finding indicates that the concept of istibdal is widely accepted by Muslims scholar. Istibdal of waqf properties can be used either for movable assets or immobile assets to ensure the waqf properties can be fully optimized.

PENGENALAN

Istibdal merupakan perkataan bahasa Arab yang berasal dari perkataan istabdala, yastabdilu, istibdaalan bermaksud ‘tukar’ atau ‘ganti’, manakala ibdal dan istibdal pula membawa maksud yang sama iaitu “menukarkan sesuatu dengan mengambil sesuatu yang lain sebagai ‘ganti’ (al-Shuwayri, 1995). Istibdal wakaf merupakan istilah penggantian barang wakaf yang telah dijual mahupun penggantian dalam hal peruntukan wakaf (Muhammad Abid Abdullah al-Kabisi, 2003).

Terdapat dua istilah yang perlu difahami dalam proses istibdal mawquf iaitu istilah ibdal dan istibdal. Istilah ibdal bermaksud mengeluarkan atau menukar sesuatu mawquf (daripada konsep asalnya yang tidak boleh dijual, dihibah atau diwarisi) dengan menjual harta itu. Istilah istibdal bermaksud membeli sesuatu harta yang lain dengan hasil jualan untuk dijadikan sebagai mawquf bagi menggantikan harta yang dijual meliputi apa-apa harta yang diperolehi menerusi cara gantian dengan harta yang sama ataupun harta yang lebih baik nilai dan manfaatnya. Harta ini dikenali sebagai harta badal atau amwal al-badal (Zulkifli Mohd al-Bakri, 2012).

Istibdal juga bermaksud menjual apa yang kurang atau telah hilang hasil atau pendapatan daripada mawquf dan membeli apa yang lebih baik daripadanya serta menjadikannya sebagai ganti. Dalam statut wakaf Negeri Selangor (1999)(Enakmen Wakaf Negeri Selangor, 2015), Negeri Sembilan (2004)(Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan), 2005) dan Negeri Melaka (2005)(Enakmen Wakaf (Negeri Melaka), 2005) memperuntukkan: Istibdal bermaksud menggantikan sesuatu mawquf dengan harta lain atau wang yang sama atau lebih nilainya sama ada melalui gantian, belian, jualan atau apa-apa cara lain menurut hukum Syarak (Seksyen 2). Secara umumnya istibdal bermaksud membeli sesuatu harta yang lain dengan hasil jualan untuk dijadikan sebagai mawquf bagi menggantikan harta yang dijual meliputi apa-apa harta yang diperolehi menerusi cara gantian dengan harta yang sama ataupun harta yang lebih baik nilai dan manfaatnya.

Istibdal merupakan satu mekanisme yang boleh digunakan untuk membangunkan harta wakaf. Istibdal merupakan salah satu pengecualian daripada prinsip yang melarang pindah milik harta wakaf serta prinsip bahawa wakaf itu adalah untuk selama-lamanya. Oleh sebab itu, istibdal hanya boleh dilaksanakan di bawah syarat-syarat yang ketat mengikut hukum syarak. Istibdal ditakrifkan oleh Jabatan Waqaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) sebagai membeli sesuatu harta yang lain dengan hasil jualan untuk dijadikan sebagai mawquf (harta yang diwakafkan) bagi menggantikan harta yang dijual meliputi apa-apa harta yang diperolehi secara gantian dengan harta yang sama ataupun harta yang lebih baik nilai dan manfaatnya (Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, 2010).

PANDANGAN SARJANA ISLAM BERKAITAN ISTIBDAL TERHADAP WAKAF TUNAI / HARTA ALIH

Para fuqaha mempunyai pandangan yang berbeza mengenai istibdal mawquf sama ada ia melibatkan wakaf masjid, wakaf tanah atau harta alih dan sebagainya. Ada pendapat yang mengharuskan istibdal dan ada pendapat yang mengharamkan istibdal kecuali ketika berlakunya darurat berdasarkan kepada kaedah ‘*al-darurat tubih al-mahzurat*’, maka mereka mengharuskan istibdal mawquf untuk kepentingan umum. Berikut disertakan perbincangan fuqaha berkaitan istibdal mauquf sama ada dalam bentuk harta alih atau harta tak alih (Jabatan Wakaf, 2010).

Menurut Afiffudin Mohammed Noor dan Mohd Ridzuan Awang (Awang, 2013). Konsep istibdal wakaf adalah merupakan satu kaedah untuk membangunkan harta wakaf agar lebih produktif dan memberikan

pulangan pelaburan kewangan yang lebih baik dan stabil. Oleh yang demikian untuk melaksanakan istibdal harta wakaf, terdapat beberapa syarat telah ditetapkan untuk menjamin pelaksanaan konsep tersebut supaya menepati kehendak syara'. Pendirian empat mazhab terhadap istibdal wakaf adalah seperti berikut:

Mazhab Hanafi

Dalam mazhab Hanafi konsep istibdal diharuskan dan dilaksanakan bagi menyelesaikan sebarang masalah yang berkaitan dengan perkara-perkara yang boleh menjejaskan harta wakaf. Keharusan yang disepakati ini boleh dilaksanakan dalam keadaan berikut:

1. Pewakaf telah mensyaratkan ke atas dirinya atau ke atas pihak lain bahawa mereka mempunyai hak untuk melakukan istibdal ke atas harta yang diwakafkan ketika kontrak wakaf dimeterai (Zahrah, 1971).

Bagi pendapat imam Abu Yusuf, hukum wakaf tersebut sah dan syarat yang dinyatakan oleh pewakaf itu juga adalah sah. Akan tetapi imam Muhammad memberikan pendapat yang agak bertentangan dengan imam Abu Yusuf. Imam Muhammad menegaskan bahawa hukum wakaf tersebut sah, tetapi syarat yang membolehkan istibdal dilakukan adalah batal. Alasan yang beliau hujahkan adalah syarat tersebut menafikan maksud sebenar wakaf kerana syarat wakaf ialah memberikan harta secara kekal (Ibn al-Humam, 1977). Imam Abu Yusuf mengemukakan hujah bahawa yang dimaksudkan dengan kekal itu bukanlah kekal 'ain harta tersebut, tetapi kekal pelaksanaan wakaf tersebut secara berterusan.

2. Pewakaf tidak mensyaratkan ke atas dirinya atau kepada pihak lain bahawa mereka mempunyai hak untuk melakukan istibdal atau pewakaf mensyaratkan istibdal tidak boleh dilakukan terhadap harta wakaf, tetapi harta tersebut tidak dapat dimanfaatkan lagi dan tidak dapat memberikan apa-apa hasil seperti tujuan asal wakaf. Maka dalam situasi ini pelaksanaan istibdal diharuskan disebabkan terdapat masalah sekiranya mendapat keizinan oleh Qadi ('Ikrimah, 2008).

Qadi berhak membuat keputusan untuk menggantikan harta wakaf yang tidak dapat dimanfaatkan kerana terdapat masalah yang besar kepada masyarakat Muslim. Sekiranya masalah yang berlaku ini tidak diatasi maka masyarakat muslimlah yang akan menanggung kerugian disebabkan oleh harta wakaf yang tidak dapat dimanfaatkan dan dibiarkan begitu sahaja

3. Pewakaf tidak meletakkan syarat istibdal ketika wakaf dilakukan dan harta wakaf itu masih lagi dalam keadaan baik serta memberikan hasil dan manfaat, tetapi istibdal dilakukan semata-mata untuk memperolehi lebih banyak hasil dan keuntungan, maka dalam hal ini istibdal diharuskan menurut pendapat Abu Yusuf kerana istibdal yang dilakukan tidak menafikan tujuan asal pewakaf. Terdapat juga pendapat lain yang mengatakan bahawa istibdal tidak boleh dilakukan kerana istibdal hanya boleh dilakukan ketika keadaan mendesak (al-Zuhaily, 2005).

Mazhab Maliki

Bagi mazhab Maliki, istibdal diharuskan untuk dilaksanakan ke atas harta wakaf. Akan tetapi keharusan tersebut dibezakan kepada harta wakaf alih dan harta wakaf tak alih.

Bagi Harta wakaf alih, istibdal diharuskan kerana harta wakaf alih kebiasaannya tidak akan tahan lama dan akan rosak, maka dengan melakukan istibdal pelaksanaan wakaf itu akan dapat dikekalkan (Malik, t.th). Ini merupakan pendapat yang disepakati dalam mazhab Maliki. Imam Malik juga berpandangan bahawa sekiranya binatang yang diwakafkan untuk tujuan peperangan telah lemah dan tidak boleh digunakan lagi untuk peperangan maka ianya boleh dijual dan hasil jualan tersebut digunakan untuk membeli harta yang bermanfaat dan jadikan harta itu sebagai wakaf di jalan Allah SWT.

Mazhab Syafi'e

Dalam mazhab Syafi'e, peluang untuk melakukan istibdal terhadap sesuatu harta wakaf adalah terhad. Hal ini disebabkan oleh pendirian para fuqahnya yang begitu tegas dalam menetapkan sesuatu hukum. Fuqaha mazhab Syafi'e berpendapat bahawa sesuatu harta yang diwakafkan adalah hak milik Allah dan ianya tidak boleh ditukar ganti dengan apa cara sekalipun walaupun harta tersebut telah musnah dan harta tersebut tidak akan kembali kepada pemiliknya yang asal (al-Zuhaily, 2005). Mereka berpegang pada pendapat saidina Umar yang menyatakan bahawa harta wakaf tidak boleh dijual, dihibah dan diwariskan. Mereka juga turut mengemukakan dalil qias dengan menyatakan "sesuatu harta yang tidak boleh dijual ketika ada manfaat sudah tentu tidak boleh dijual ketika tiada manfaat" (Ikrimah, 2008). Hal tersebut adalah kerana sesuatu harta wakaf itu ada manfaat, jika ia tidak boleh dijual ketika ada manfaat apatah lagi ketika harta itu telah rosak dan tiada manfaat. Berdasarkan kepada hujah tersebut maka fuqaha mazhab Syafi'e tidak mengharuskan istibdal dilakukan sama ada harta wakaf tersebut berbentuk harta alih mahupun harta tak alih.

Walau bagaimanapun terdapat sebahagian daripada fuqaha mazhab Syafi'e yang memberi ruang untuk melaksanakan konsep istibdal tersebut yang mana sekiranya berlaku kerosakan atau keruntuhan ke atas sebuah masjid, istibdal hanya boleh dilakukan setelah mendapat keizinan daripada Qadi. Selain daripada itu terdapat satu pendapat daripada fuqaha mazhab Syafi'e berkaitan harta wakaf tak alih seperti pokok dan haiwan iaitu apabila pokok itu sudah kering dan haiwan itu telah tua maka kedua-dua harta itu tidak harus dijual akan tetapi sekiranya ia boleh dimanfaatkan sebagai bahan bakar atau disewakan untuk mendapatkan hasil maka perkara tersebut boleh dilakukan (al-Ramli, 1967).

Mazhab Hanbali

Bagi wakaf harta alih, ianya juga boleh dilakukan diistibdal dengan menjual atau menukar harta tersebut. Fuqaha mazhab Hanbali mengemukakan hujah bahawa harta wakaf yang tidak boleh dijual, dihibah dan diwarisi adalah selagi mana ia memberi manfaat, maka apabila harta tersebut sudah rosak dan tidak bermanfaat maka ia harus diistibdal bagi mengekalkan maksud wakaf tersebut iaitu selamanya (Ikrimah, 2008).

PROJEK BAITUL AWQAF UITM CAWANGAN MELAKA: SEJARAH DAN CABARAN

Idea ke arah penubuhan Baitul Awqaf ini muncul pertama kali pada tahun 2013 hasil perbincangan bersama kalangan pensyarah¹. Idea ini bertitik tolak daripada hasil penyelidikan yang dilakukan oleh pensyarah UiTM, Melaka khususnya para penyelidik Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ) yang banyak melakukan penyelidikan mengenai zakat dan wakaf. Harapannya ialah untuk mewujudkan sebuah kompleks Islam yang mana di dalamnya elemen pemerkasaan institusi Islam dalam bidang zakat dan wakaf dapat diimplimentasikan. Kompleks ini dicadangkan namanya sebagai Baitul Awqaf khusus bagi UiTM, Melaka.

Idea Baitul Awqaf ini ialah dengan cara mengumpul dana bagi membina prasarana serta kemudahan asas untuk maksud pendidikan dan pengembangannya melalui pendanaan berasaskan konsep wakaf. Wakaf sebagai satu instrumen berdaya saing yang dimiliki oleh umat Islam mampu menjana, memantap dan memperkasa institusi ilmu Islam demi kepentingan dan maslahat ummah. Baitul Awqaf ini akan merangkumi aspek pembinaan fizikal dan pengisian program sebagai pusat kecemerlangan Islamiah serta menyediakan prasarana seperti Dewan Persidangan, Pusat Latihan, Pusat Penyelidikan dan Penginapan serta Pembangunan untuk manfaat masyarakat universiti dan masyarakat umum.

¹ Pensyarah yang terlibat ialah Prof. Madya Dr. Hasan Bahrom, Prof. Madya Dr. Abd. Halim Mohd Noor dan Prof. Madya Rawi Nordin.

Idea penubuhan ini diterjemahkan dalam bentuk gerak kerja awalan di mana satu kertas kerja dasar Projek Baitul Awqaf telah disediakan pada Mei 2013 oleh penggerak utama projek dan dimajukan ke Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif UiTM, Melaka. Pada masa yang sama jawatankuasa penggerak juga telah membuat permohonan kebenaran membuat pungutan khairat/saham wakaf daripada Majlis Agama Islam Melaka (MAIM). Pada Ogos 2013 pihak Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah meluluskan kebenaran untuk membuat pungutan khairat/saham wakaf. Namun kutipan derma belum dilaksanakan lagi.

Dalam usaha supaya kutipan ini dapat dijalankan dengan baik sebuah Tabung Amanah Awqaf UiTM, Melaka telah diwujudkan. Penubuhan Tabung Amanah ini telah diluluskan melalui mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (MJPE) UiTM, Melaka pada Okt. 2013 (MJPE Bil 5/2013). Bagaimanapun pihak jawatankuasa dimaklumkan bahawa UiTM sudahpun mempunyai Tabung Sedekah Jariah (Wakaf) dan dicadangkan supaya menggunakan pakai tabung sedia ada dan mengambil kira *trust deed* Zakat sedia ada. Kebenaran mengutip derma sentiasa dimohon dan diperbaharui oleh pihak MAIM pada setiap 6 bulan. Pada peringkat ini kutipan sudah pula dilakukan namun tidak secara agresif. Pada masa yang sama sebuah lagi projek Dusun Ilmu turut sama dijalankan.

Pihak Jawatankuasa berpendapat perlu ada satu tabung khusus untuk projek ini dan tidak sesuai disekalikan dengan Tabung Amal Jariah Wakaf UiTM. Sehubungan itu juga ia memerlukan *trust deed* tersendiri dan berasingan dari *trust deed* zakat. Oleh itu pihak jawatankuasa telah merangka kertas kerja dengan memasukkan projek wakaf dan Dusun Ilmu sebagai satu inisiatif utama UiTM, Melaka. Projek ini dinamakan sebagai projek "Baitul Awqaf UiTM, Melaka" dengan mempunyai *trust deed* tersendiri iaitu Tabung Amanah Baitul Awqaf UiTM, Melaka. Kertas kerja dasar ini dimajukan ke pihak UiTM, Induk Shah Alam untuk mendapatkan kelulusan JKE.

Dalam usaha memantapkan pelaksanaan projek ini satu *retreat* penubuhan kompleks Baitul Awqaf telah dilaksanakan pada 22/5/2014 bertempat di Hotel Avillion Legacy. Pada 20 Jun 2014 majlis pelancaran Tapak Kompleks Baitul Awqaf telah disempurnakan oleh Rektor UiTM, Melaka dan serentak itu juga kutipan dana bagi projek tersebut dilancarkan. Pada bulan Januari 2015 JKE telah menyatakan supaya projek ini ditukar namanya kepada "Wakaf UiTM, Melaka" dan menggunakan pakai *trust deed* "Tabung Wakaf UiTM". Keputusan ini telah menjadikan usaha ke arah merealisasikan kompleks Baitul Awqaf UiTM Cawangan Melaka sebagai satu cabaran yang memerlukan pendekatan berhikmah.

Dalam usaha merealisasikan penubuhan kompleks Baitul Awqaf UiTM, Melaka ianya memerlukan komitmen, kesungguhan dan sudah pasti berhadapan dengan cabaran yang tidak mudah untuk ditangani. Antara cabaran besar yang dihadapi ialah dari sudut urus tadbir dan kepakaran. Dalam konteks urus tadbir, sungguhpun usaha untuk melaksanakan projek telah diluluskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Universiti Teknologi Mara, Melaka, namun ia tertakluk kepada kebenaran daripada pihak Jawatankuasa Eksekutif UiTM, Induk Shah Alam (JKE). Dalam isu ini yang merencatkan sedikit usaha ke arah merealisasikan projek Baitul Awqaf UiTM Cawangan Melaka ialah dari sudut pendanaan dan penabungan dana kutipan. Jawatankuasa projek telah mencadangkan penubuhan tabung dana khusus untuk projek tersebut yang dinamakan "Tabung Awqaf UiTM Cawangan Melaka". Namun pihak JKE mengarahkan kutipan dana bagi projek ini disalurkan terus ke "Tabung Wakaf UiTM". Ini bermakna semua kutipan dana akan disalurkan ke Tabung Waqaf UiTM di Shah Alam. Sebarang aktiviti bagi maksud projek ini dan memerlukan dana kewangan perlu merujuk dan mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Induk Tabung Wakaf UiTM, Shah Alam.

Selain itu aspek kepakaran juga menjadi cabaran yang tidak kurang hebatnya. Dalam merealisasikan sesuatu projek besar sudah pasti ia memerlukan instrumen kepakaran dalam bidang-bidang tertentu. Justeru itu kepakaran luar amat diperlukan dalam usaha untuk merealisasikan penubuhan Baitul Awqaf UiTM Cawangan Melaka. Penggerak projek ini sebahagian besar terdiri daripada penjawat awam atau pensyarah yang mana mereka terikat dengan peraturan sebagai penjawat awam. Oleh itu dicadangkan supaya diwujudkan satu jawatan khusus sebagai peneraju projek yang mana ia bertanggungjawab memastikan projek ini dapat dilaksanakan dari mula hingga akhirnya. Ini sudah pasti memerlukan

kelulusan daripada pihak UiTM kerana ia melibatkan urustadbir dari aspek perjawatan dan seumpamanya.

RELEVANSI PENGGUNAAN ISTIBDAL DALAM PROJEK BAITUL AWQAF UITM CAWANGAN MELAKA

Projek Baitul Awqaf yang dirancang oleh ahli akademik UiTM cawangan Melaka merupakan satu inisiatif yang akan memberikan manfaat kepada berbagai golongan masyarakat sekiranya berjaya dilaksanakan. Namun begitu, disebabkan oleh kekangan-kekangan yang timbul seperti urus tadbir UiTM, prosedur yang rumit dan kekurangan dana telah menyebabkan projek ini tertangguh dan tidak dapat dilaksanakan.

Walaupun projek Baitul Awqaf ini terhenti dan tidak dapat dilaksanakan sehingga tahun 2018, namun ahli jawatankuasa telah berjaya mengumpul sejumlah wang tunai yang diperoleh dari sumbangan wakaf staf dan para pelajar UiTM cawangan Melaka. Jumlah wakaf tunai yang berjaya dikumpulkan untuk projek ini ialah sebanyak RM 6969. Sasaran dana wakaf yang diperlukan dalam projek ini ialah sebanyak RM10 juta yang akan diperoleh melalui potongan gaji staf di samping kutipan wakaf tunai. Disebabkan oleh kekangan yang timbul, dana wakaf tunai yang dikutip telah menjadi beku dan tidak dapat digunakan untuk tujuan Baitul Awqaf ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini ingin mencadangkan supaya konsep istibdal dapat digunakan bagi memastikan dana wakaf tunai yang terkumpul tidak hanya terbeku di akaun bank sahaja. Bahkan dana tersebut seharusnya digunakan bagi mencapai matlamat dan hasrat para pewakaf yang telah menyumbang.

Secara umumnya, konsep istibdal wakaf telah diterima oleh jumurh ulama sebagai salah satu jalan penyelesaian kepada masalah wakaf yang timbul. Para ulama dari empat mazhab bersepakat bahawa istibdal harta wakaf diharuskan bagi memastikan manfaat harta tersebut dapat digunakan dan pewakaf mendapat pahala yang berterusan. Para ulama terutamanya dari mazhab Maliki, Hanafi dan Hanbali mengharuskan mauquf harta alih untuk diistibdalkan sekiranya harta tersebut sudah tidak dapat memberi manfaat dalam keadaan asal.

Konsep istibdal juga memiliki takrifan yang pelbagai mengikut Enakmen Wakaf Negeri. Antaranya ialah:

1. Seksyen 2 di dalam Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015, "...menggantikan suatu harta wakaf dengan harta lain atau wang yang sama atau lebih tinggi nilainya sama ada melalui gantian, belian, jualan atau apa apa cara lain menurut hukum syarak."(Enakmen Wakaf Negeri Selangor, 2015)
2. Di dalam Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005, "... menggantikan suatu mawquf dengan harta lain atau wang, atau berupa wang, yang sama dengan atau lebih tinggi nilainya daripada mawquf itu, sama ada melalui gantian, belian, jualan atau apa-apa cara lain menurut prinsip syariah"(Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan), 2005)
3. Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005, "...menggantikan suatu harta wakaf dengan harta lain yang sama atau lebih tinggi nilainya sama ada melalui gantian, tukaran, belian, jualan atau apa apa cara lain menurut hukum syarak".(Enakmen Wakaf (Negeri Melaka), 2005)
4. Kaedah-kaedah Wakaf Johor 1983, "...Istibdal ertinya menggantikan harta wakaf dengan harta lain yang lebih baik dengan tukaran atau belian atau jualan atau sebagainya menurut hukum syarak".(Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor), 2003)

Terdapat sedikit perbezaan tentang takrif di dalam Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) di mana ia tidak menyatakan penggantian harta wakaf "dengan wang" seperti yang dinyatakan di Selangor dan Negeri Sembilan. Di Johor juga, takrif istibdal tidak memasukkan penggantian harta wakaf dengan wang tunai. Di dalam semua enakmen yang dinyatakan di atas perkara yang disentuh dalam persoalan istibdal adalah melibatkan harta alih dengan syarat-syarat yang dinyatakan secara jelas di dalam enakmen – enakmen tersebut. Manakala persoalan tentang istibdal yang melibatkan harta alih tidak dinyatakan. Begitu juga bagi negeri-negeri yang tiada enakmen wakaf, istibdal tidak ditakrifkan. Pentakrifan istibdal dalam

enakmen negeri – negeri ini menunjukkan bahawa sesuatu harta wakaf itu boleh ditukarkan samada dengan harta yang lain atau dinilai dengan wang ringgit. Namun, tidak dinyatakan sama ada wakaf tunai untuk satu projek wakaf boleh diistبدال atau digunakan untuk tujuan yang lain.

Dalam projek Baitul Awqaf, semasa proses hebahan dan kutipan dana wakaf dilakukan, penganjur projek wakaf ini telah menyatakan bahawa dana kutipan wakaf akan digunakan untuk membangunkan Komplek Baitul Awqaf di UiTM Cawangan Melaka. Oleh itu dapat difahami bahawa dana wakaf untuk projek Baitul Awqaf adalah khusus untuk Kompleks Baitul Awqaf sahaja. Ini menjadikan wakaf yang diberikan oleh penyumbang adalah dalam bentuk wakaf khas. Prinsip utama yang mendasari amalan wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas ialah harta wakaf itu tidak boleh dijual, tidak boleh diberikan kepada orang lain dan tidak boleh diwarisi (Enakmen Wakaf Selangor 1999, 4(2)). Merujuk kepada usaha-usaha membangunkan harta wakaf, jumhur fuqaha mengharuskan pembangunan dilaksanakan atas harta wakaf kerana sekiranya tiada usaha sedemikian dilaksanakan akan menyebabkan sesuatu harta itu rosak binasa dan tidak dapat dimanfaatkan. Hasil daripada pembangunan tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan wakaf (www.e-muamalat.Islam.gov.my, 2008).

Dalam konteks mengubah niat pewakaf, ulama mengharuskan pengubahsuaian wakaf selain niat pewakaf untuk tujuan masalah. Majma' Fiqh al-Islami dalam membincangkan isu pelaburan harta wakaf telah mengharuskan agar hasil daripada harta wakaf dilaburkan meskipun tidak disyaratkan oleh pewakaf. Ini bagi memastikan niat atau tujuan pewakaf dapat dikekalkan selama-lamanya dan ia tidak boleh dilaksanakan melainkan dengan membangunkan harta tersebut (www.e-muamalat.Islam.gov.my, 2008). Imam Subki menyatakan adalah harus diubah sesuatu wakaf bagi tujuan masalah dengan tiga syarat iaitu tidak berubah namanya, tidak hilang 'ain wakaf dan tidak salah memindahkannya dari satu pihak ke pihak yang lain (www.e-muamalat.Islam.gov.my, 2008). Selain itu boleh dilihat juga keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Negeri Pahang Kali Ke-4/2008, pada 26 Disember 2008 mengenai Hukum Membangunkan Tanah Wakaf Dengan Pembangunan Selain Niat Asal Pewakaf. Mesyuarat ini memutuskan harus diubahsuaikan selain niat wakaf dengan syarat mengekalkan tujuan asal pewakaf (<http://mufti.pahang.gov.my>, 2008).

Jumhur fuqaha' dikalangan Mazhab Syafi'e berpendapat bahawa sesuatu wakaf sama ada am atau khas adalah kekal iaitu tidak boleh diubah atau di tarik balik kerana sesuatu wakaf itu telah menjadi milik mutlak Allah SWT. Para fuqaha' berpendapat bahawa syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pewakaf khususnya bagi wakaf khas adalah wajib dipatuhi. Namun, mereka mengharuskan modifikasi terhadap harta wakaf melalui pembangunan yang dapat menjamin ciri-ciri kekal harta wakaf tersebut. Misalnya bagi sesuatu wakaf khas seperti wakaf masjid, fuqaha' mengharuskan bangunan lain dibina sama ada pada baki tanah wakaf berkenaan atau dibina bangunan bertingkat dengan menempatkan masjid dimana-dimana aras bangunan yang bersesuaian dengan fungsinya sebagai rumah Allah. Dalam hal ini, niat asal pewakaf dikekalkan cuma ditambah dengan binaan bangunan yang dapat menjana pendapatan bagi penyelenggaraan masjid, hasil sewaan bangunan tersebut hendaklah dikembalikan kepada masjid bagi menjamin survivalnya (<http://mufti.pahang.gov.my>, 2008).

Selain itu, pelaksanaan pembangunan sebagaimana yang telah dibincangkan tidak boleh dilaksanakan sewenang-wenangnya di mana pandangan dan pendapat daripada Mufti hendaklah diperolehi terlebih dahulu. Dalam hal ini, setiap pembangunan diatas tanah wakaf selain daripada tujuan asal pewakaf mestilah dipanjangkan kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri agar setiap kes dapat dinilai dan diteliti mengikut fakta-fakta setempat sebelum sesuatu keputusan dibuat. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang ke 80 pada 1-3 Februari 2008 di Terengganu telah memutuskan bahawa harus membangunkan tanah wakaf khas selain dari niat asal pewakaf dengan syarat pembangunan ini hendaklah berdasarkan keperluan yang boleh ditentukan oleh pemerintah dan tidak bercanggah dengan syariat Islam (www.e-muamalat.Islam.gov.my, 2008).

Dalam konteks Baitul Awqaf, kaedah istبدال dicadangkan untuk menukarkan status wakaf tunai untuk tujuan Baitul Awqaf kepada wakaf tunai umum. Ini kerana, para pewakaf telah meniatkan supaya wang tunai mereka digunakan untuk projek Baitul Awqaf semasa proses kutipan dana dilakukan oleh ahli jawatan kuasa projek. Konsep asas wakaf memerlukan penerima wakaf melaksanakan wakaf mengikut

kehendak pemberi wakaf. Oleh sebab itu, wakaf tunai yang diterima untuk projek Baitul Awqaf tidak dapat digunakan untuk tujuan yang lain selain yang dikehendaki oleh pewakaf. Sekiranya istibdal terhadap niat pewakaf ini dapat dilaksanakan, dana wakaf tunai yang terkumpul dalam projek ini boleh digunakan untuk pembangunan akademik atau infrastruktur di UiTM cawangan Melaka. Sebagai contoh, dana wakaf tersebut boleh digunakan untuk menambah baik prasarana dalam kelas, perpustakaan, makmal atau surau dan masjid di UiTM Cawangan Melaka. Melalui penggunaan dana wakaf tersebut, para pelajar dan staf dapat menggunakan kemudahan prasarana tersebut dengan lebih baik dan selesa untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif. Para pewakaf juga akan tetap menerima ganjaran pahala berterusan sebagaimana yang dijanjikan oleh Allah SWT menerusi istibdal wakaf tunai tersebut.

Selain itu, dana wakaf sedia ada mungkin juga boleh dijadikan sebagai modal yang boleh dilaburkan bagi mengembangkan dana wakaf tersebut. Majlis Akademi Fiqh Islam Antarabangsa dalam mesyuaratnya pada 2004 memutuskan bahawa harus menggunakan dana wakaf tunai untuk tujuan pelaburan. Manakala AAOIFI (Accounting & Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions) dalam Piawaian Syariah yang ke-33 bernombor 3/4/4/2 menyatakan bahawa “wakaf dalam bentuk tunai adalah dibenarkan dan pemanfaatannya perlu dilakukan dengan cara yang tidak akan menyebabkan wang itu habis atau berkurangan”(Muhd Ramadhan Fitri Ellias, Ahmad Firdaus Kadir, & Muhamad Nasir Haron, 2017). Oleh itu, dana wakaf terkumpul dalam projek Baitul Awqaf ini boleh dilaburkan untuk mengembangkan dana wakaf tersebut supaya projek wakaf ini dapat dilaksanakan dengan jaya.

Perkara yang paling utama yang harus dipelihara dalam merangka serta mencapai kemajuan dalam pembangunan wakaf ialah kelima-lima maqasid syariah iaitu agama, jiwa, akal, kehormatan dan harta. Oleh itu pemakaian prinsip darurat dan hajat harus diaplikasikan secara bijaksana dan berhati-hati bagi memastikan pelaksanaan sesuatu pembangunan harta wakaf adalah selaras dengan ketetapan syara'.

KESIMPULAN

Justeru itu berdasarkan hujah di atas, bagi menjamin hasrat pewakaf dapat dilaksanakan. Pihak UiTM Cawangan Melaka perlu memikirkan inisiatif yang bersesuaian dengan merujuk hujah diatas dalam memastikan projek Baitul Awqaf dapat dilaksanakan di UiTM Cawangan Melaka.

Walaupun projek Baitul Awqaf yang dirancangan tidak dapat dilaksanakan mengikut perancangan, namun dana yang diperoleh untuk tujuan projek tersebut tidak seharusnya dibiarkan terbeku tanpa dimanfaatkan. Oleh sebab itu, kajian ini mencadangkan supaya kaedah istibdal dapat diaplikasikan dalam isu ni. Islam amat menggalakkan penggunaan sumber yang optimum dan mengharamkan sebarang bentuk pembaziran atau pembekuan sumber. Penggunaan konsep istibdal dilihat sangat bersesuaian dalam memastikan harta wakaf dapat berfungsi dengan sebaiknya.

Selain itu, kajian ini ingin mencadangkan kepada pengurus projek Baitul Awqaf UiTM Cawangan Melaka untuk mengembang luaskan dana wakaf ini dengan cara dan kaedah yang bersesuaian selari dengan kehendak syarak supaya manfaat wakaf akan dirasai oleh semua pihak berkepentingan (*stakeholder*) UiTM Cawangan Melaka.

RUJUKAN

Al-Kabisi, Muhammad Abid Abdullah (2003). *Hukum Wakaf*. Jakarta: IIMan.

Al-Kasnawi, A. B. (t.th). *Ashal al-Madarik Sharh Irshad al-Salik fi Fiqh Imam al-A'immah Malik*. t.tp: 'Isa al-Bab al-Halabi.

Al-Ramli, S. M.-A. (1967). *Nihayat al-Muhtaj ila*. Misr: al-Bab al-Halabi.

Al-Shuwayri, Jarjis Hammam (1995). Mu'jam al-Talib. Bayrut: Maktabah Lubnan Nashirun

al-Syarbini, Muhammad. bin Ahmad. (1994). *Mughni al-Muhtaj, Jilid 3*. t.tp: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

al-Zuhaily, Wahbah. (2005). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh. Jilid 10*. Cetakan ke:8. Beirut : Dar al-Fikr.

-
- Afiffudin Mohammed Noor & Mohd Ridzuan Awang. (2013). Pelaksanaan Istibdal Wakaf di Negeri Kedah Darul Aman. *Islamiyyat*, 49-56.
- Anas, M. (t.th). *al-Mudawwanah al-Kubra*. Misr: Dar al-Fikr.
- Asharaf Mohd Ramli & Abdullah Jalil. (2017). Wakaf Korporat: Konsep & Perkembangan di Malaysia. *Seminar Filantropi dan Derma-Bakti Islam: Pendekatan Korporat Dalam Konsep Wakaf, anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan kerjasama Bursa Malaysia, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) di Dewan Besar IKIM*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Awang, A. M. (2013). Pelaksanaan Istibdal Wakaf di Negeri Kedah Darul Aman. *Islamiyyat*, 49-56.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) (2003). *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003*.
- Enakmen Wakaf (Negeri Melaka). (2005). Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 - Enakmen 5 Tahun 2005. Retrieved April 15, 2020, from http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Enact_Ori.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/33b9289a6c1f2eed4825715e000788b0?OpenDocument
- Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan). (2005). Seksyen 2. Tafsiran Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 - Enakmen 2). Retrieved April 15, 2020, from http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Enact_Upd.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/8304daed57e63b4048257535001ac7fb?OpenDocument
- Enakmen Wakaf Negeri Selangor. (2015). Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 - Enakmen 15 Tahun 2015. Retrieved April 15, 2020, from Majlis Agama Islam Selangor website: http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Enact_Ori.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/457948dcef51147148257f6f000e4f0b?OpenDocument
- Fathullah Al Haq Muhammad Asni & Jasni Sulong. (2017). Wakaf Tunai dan Aplikasinya dalam Undang-undang di Negara Asean. *Jurnal Syariah Jil 25 Bil 2*.
- Fathullah al-Haq & Jasni Sulong. (2017). Penyeragaman Fatwa Berhubung Isu-isu Wakaf di Malaysia: satu Sorotan Awal. *Journal of Fatwa Management and Research*.
- Ibn al-Humam, Kamal al-Din Muhammad ‘Abd al-Wahid. (1977). *Sharah Fath al-Qadir. Jilid 6*. t.tp: Dar al-Fikr.
- ‘Ikrimah Said Sabri. (2008). *al-Waqaf al-Islami bayna alNazariyyah wa al-Tatbiq*. Abdali: Dar al-Nafa’is.
- Jabatan Wakaf, Z. d. (2010). *Manual Pengurusan Istibdal Wakaf*. Selangor: Najjah One Trading & Services.
- Majalah al Muamalat Oktober 2012 (ms 14- 15): Perundangan Wakaf Di Malaysia: Kajian Berkenaan Wakaf Istibdal – Dr Zulkifli Mohamad al Bakry
- Malik Anas. (t.th). *al-Mudawwanah al-Kubra. Jil. 4*. Misr: Dar al-Fikr.al-Ramli, Shamsudin Muhammad Abi al-Abbas Ahmad Hamzah Shihab al-Din.. (1967). *Nihayat al-Muhtaj ila Sharh Minhaj. Jil 5*. . Misr: al-Bab al-Halabi.
- Manual Pengurusan Istibdal Waqaf, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri, 2010, JAWHAR : PUTRAJAYA
- Mohd Zaim Ismail, Muhammad Ikhlas Rosele & Mohd Anuar Ramli. (2015). Pemerkasaan Wakaf di Malaysia: Satu Sorotan. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society Vol 9*.
- Mohd Zain bin Othman. (1982). *Islamic Law With Special Reference to The Institution of Waqf*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, Hal Ehwal Agama.
-

Muhammad Abu Zahrah. (1971). *Muhadarat fi al-Waqf*. t.tp: Dar al-Fikr al-'Arabi.

Muhd Ramadhan Fitri Ellias, Ahmad Firdaus Kadir, & Muhamad Nasir Haron. (2017). *Parameter Syariah untuk Wakaf Tunai*. Retrieved from https://www.maybank2u.com.my/iwov-resources/islamic-my/document/my/en/islamic/scoe/knowledge-centre/research-paper/Paramater_Syariah_Wakaf_Tunai.pdf

Nadiah Zulkiflee, Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad. (2015). Kesedaran Terhadap Wakaf Tunai: Kajian di Besut Terengganu. *E-Prosiding Seminar Fiqh Semasa (SeFis)*.

Zuhrah, M. A. (1971). *Muhadarat fi al-Waqaf*. t.tp: Dar al-Fikr al-'Arabi.

Zulkifli Mohammad Al ,Bakri .(2012), *Wakaf Dalam Islam*, BIMB: Kuala Lumpur

<http://mufti.pahang.gov.my>. (2008, Disember 06). Retrieved from *Hukum Membangunkan Tanah Wakaf dengan Pembanguna Selain Niat Asal Pewakaf*: <http://mufti.pahang.gov.my/index.php/perkhidmatan/bahagian-fatwa/keputusan-fatwa/27-keputusan-fatwa-2008/108-hukum-membangunkan-tanah-wakaf-dengan-pembangunan-selain-niat-asal-pewakaf>

www.e-muamalat.Islam.gov.my. (2008, Febuari 01-03). Retrieved from *Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Berhubung dengan Isu-Isu Muamalat. Fatwa Kedua Puluh Tiga*: www.e-muamalat.Islam.gov.my